



# Pelajar UiTM serap ilmu anjur konsert Marcell

Oleh [Affan Rostam](#) - Disember 19, 2022 @ 3:54pm  
[affan.rostam@bh.com.my](mailto:affan.rostam@bh.com.my)



Marcell menghiburkan peminat dengan rangkaian lagu malar segar pada Konsert Marcell Dua Dekade Live In Kuala Lumpur pada 9 Disember lalu. Foto Ihsan PRecise Agency

KUALA LUMPUR : Kejayaan Konsert Marcell Dua Dekade Live In Kuala Lumpur di Zepp Kuala Lumpur pada 9 Disember lalu adalah hasil usaha 42 pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dengan kerjasama syarikat penganjuran acara, The Jay Events & Media.

Konsert Marcell dibawa pelajar tahun akhir Kolej Komunikasi dan Media, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media UiTM atau lebih dikenali sebagai PRecise Agency diketuai Muhammad Nabil Khairul Anuar atas bimbingan pensyarah, Abuzar Abdul Halim dengan kerjasama The Jay Events & Media yang diasaskan Muhammad Shafik Ridzuan Jailani.

PRecise Agency dalam kenyataan memberitahu, Konsert Marcell Dua Dekade Live In Kuala Lumpur berlangsung meriah dengan peminat sama menari dan menyanyi lagu idola pujaan mereka.



Tenaga kreatif PRecise Agency bergambar bersama Marcell pada Konsert Marcell Dua Dekade Live In Kuala Lumpur pada 9 Disember lalu. Foto Ihsan PRecise Agency

"Dengan bantuan dan bimbingan subjek Consultancy in Public Relations (PRO602), PRecise Agency yang diterajui 42 pelajar tahun akhir Perhubungan Awam, kelas MC242S5D berbangga konsert itu berjaya," kata kenyataan itu.

PRecise Agency bersyukur diberi peluang menjayakan penganjuran konsert Marcell dan sedia menjadi rakan kerjasama untuk projek lain pada masa akan datang.

"Kami bersyukur kerana diberikan peluang bekerjasama dengan The Jay Events & Media bagi menjayakan Konsert Marcell Dua Dekade di Zepp Kuala Lumpur.

"Seperti yang dinyatakan dalam slogan mereka, 'We Make It Happen', The Jay Events and Media meletakkan keutamaan tinggi untuk menguruskan acara yang dapat memenuhi jangkaan pelanggan.

"PRecise Agency berbesar hati dan tidak sabar untuk bekerjasama dengan mereka dalam acara yang pastinya lebih menarik pada masa hadapan," katanya.

Marcell Siahaan, penyanyi Indonesia yang mencapai kejayaan dalam industri muzik selama 20 tahun kembali ke Malaysia memenangi hati golongan milenial dengan lagu R&B.

Bintang kelahiran Bandung itu menepati hasrat peminat pelbagai peringkat umur yang gembira dengan penampilan istimewa pada konsert meraikan pembabitan dua dekad dalam industri muzik.

Konsert itu dipenuhi dengan lagu R&B, jiwa dan balada seperti Firasat dan Semusim dan peminat turut menjangkakan nyanyian pelbagai lagu baharu seperti Menunggu dan Akhir Cinta yang digubah sempena hari lahir ke-44 Marcell pada 21 September tahun lalu.

Maklumat lanjut mengenai PRecise Agency boleh didapati dengan melayari akaun Instagram @preciseagency.